

07 FEB 2003

KEWANGAN-PAKEJ/I

DR MAHATHIR AKAN UMUM PAKEJ RANSANGAN PADA AKHIR MAC

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Butiran penuh pakej ransangan pertumbuhan yang baru akan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada akhir Mac, 2003 ini, selepas pengumuman Laporan Tahunan Bank Negara pada 26 Mac, 2003, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis hari ini.

Dr Jamaludin berkata, tempoh dua bulan akan membolehkan kerajaan mengkaji semula prestasi pertumbuhan sebenar dalam 2002 dan memperhalusi prospek bagi tahun 2003.

Ia akan juga menyediakan peluang bagi diadakan perbincangan mendalam dengan sektor swasta dan agensi-agensi kerajaan berkaitan untuk memastikan langkah-langkah yang diambil selaras dengan inisiatif industri, katanya dalam satu kenyataan di sini.

Dr Jamaludin berkata kerajaan akan terus mengawasi perkembangan luar negara dan domestik serta membuat penyesuaian perlu terhadap pakej itu apabila perlu.

"Memandangkan persekitaran luar negara yang mudah berubah-ubah, kerajaan akan meneruskan pengawasan untuk memastikan langkah bersesuaian dan tepat pada masanya bagi menghadapi persekitaran global yang dinamik.

"Yang utama sekali, kerajaan sedang menyediakan negara ini untuk memberi tindakbalas segera kepada kejutan dari luar dan untuk memelihara pertumbuhan ekonomi mapan," katanya.

Menjelaskan lebih lanjut, Dr Jamaludin berkata kerajaan telah menyediakan pakej komprehensif bertujuan merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi dan teras pakej itu bertujuan membawa perubahan struktur dan institusi untuk membolehkan ekonomi mengadaptasi kepada perubahan.

Selaras dengan itu, kerajaan telah membentuk 10 jawatankuasa khas yang akan mengawasi bidang tertentu termasuk peningkatan daya saing negara.

"Jawatankuasa Kabinet Khas ini yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menunjukkan komitmen kerajaan untuk mengekalkan daya saing Malaysia. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan bertindak sebagai sekretariat," katanya.

Dr Jamaludin berkata, ada juga jawatankuasa yang akan mengkaji sistem penghantaran negara, bagi menggalakkan pertumbuhan sumber-sumber baru khususnya sektor-sektor perkhidmatan dan bioteknologi, pengukuhan pasaran modal, serta penggalakan pelaburan domestik yang akan dipengerusikan bersama oleh MITI dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna.

Jawatankuasa lain akan memberi fokus kepada memperbaiki kecekapan dan kutipan hasil, mengawasi dasar makroekonomi dan kawalan defisit kerajaan, menggalakkan pelaburan dan pelancongan daripada pasaran baru khususnya Asia Barat dan ekonomi baru muncul, menggalakkan sektor pertanian dan memperbaiki ekonomi luar bandar serta memperbaiki keselamatan terutamanya di dalam rangkaian pengangkutan.

"Sebuah pasukan petugas khas yang diketuai oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), terdiri daripada para pegawai kanan dan wakil sektor swasta akan mengawasi kemajuan jawatankuasa-jawatankuasa di atas dan memperakukan satu pakej ransangan pertumbuhan komprehensif," katanya.

Katanya, inisitif baru itu akan siap untuk dilaksanakan paling lewat menjelang Mac 2003 dan lebih awal jika perlu.

Jika berlaku serangan oleh AS ke atas Iraq, beliau berkata, kerajaan

bersedia menimbangakan langkah-langkah tambahan untuk mengekalkan pertumbuhan.

Menurutnya, langkah-langkah itu akan berasaskan tiga kemungkinan, iaitu perang singkat - peperangan yang berlaku tidak lebih sebulan: peperangan peringkat sederhana - peperangan yang berlanjutan antara dua dan tiga bulan: dan perang berpanjangan - peperangan yang berlaku lebih tiga bulan.

Bagaimanapun, Dr Jamaludin berkata, walaupun perangkaan ekonomi 2002 dijangka lebih baik, ekonomi negara berkemungkinan menerima kesan daripada keadaan ekonomi global yang perlahan bagi 2003, di mana anggaran awal membayangkan pertumbuhan ekonomi yang sederhana.

Katanya, keadaan itu dijangka meleset lagi dengan ketidaktentuan keadaan di di Asia Barat.

-- BERNAMA
WNZ KTC AHM